

Penubuhan Majlis Media Malaysia martabatkan media

Astro Awani

13 Julai 2019

Prof Madya Dr Sara Chinnasamy Penganalisis Politik & Media Sosial Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam

KENYATAAN Menteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo berhubung penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM) adalah satu yang dinanti-nantikan. Sudah tiba masanya untuk Malaysia mempunyai majlis media sendiri kerana ia telah lama dibincangkan sejak tahun 70-an.

Namun segala perincian perlu diteliti bagi menyesuaikan dengan peredaran teknologi digital dan perkembangan media.

Usaha menubuhkan badan pengawalseliaan media bebas ini sudah diperjuangkan oleh pengamal-pengamal media tempatan sejak sekian lama bagi mendukung standard kewartawanan, menaikkan tahap profesionalisme, dan menyediakan ruang untuk arbitrase aduan awam.

Langkah seterusnya adalah untuk menjadikan badan pengawalseliaan itu sebagai suatu realiti. Penubuhan majlis media yang terbuka, bertanggungjawab dan telus dapat membantu membina keyakinan terhadap media, menyumbang kepada kredibiliti organisasi media berita khususnya media perdana.

Usul ini adalah satu langkah yang penting dan juga tepat pada waktu memandangkan dua faktor utama iaitu melindungi dan menaik tarafkan profesion kewartawanan media perdana; khususnya cabaran digital yang terpaksa mereka tempuhi dari segi pemberitaan serta impak platform-platform media sosial yang memberikan satu

tekanan yang amat mendalam, bukan sahaja trend media sosial yang banyak ke arah politik kebencian dan elemen-elemen hasutan dan fitnah, malah ditambah juga dengan faktor-faktor berita palsu yang mempunyai elemen mis-information, dis-information dan mal-information.

Maka, usaha penubuhan majlis media dan pindaan undang-undang yang lama mengikut perkembangan teknologi adalah amat penting. Selain itu, penubuhan majlis media perlu selaras dengan keperluan media cetak dan media elektronik secara menyeluruh.

Cadangan ini perlu juga mengambil kira faktor portal-portal media persendirian. Maka, akta sedia ada dan bersifat lama perlu disemak semua atau dihapuskan. Akta yang mengekang kebebasan media seperti PPPA, perlu dimansuhkan.

Dalam keadaan penumpuan teknologi, tiada sebab kita harus menggunakan akta itu.

Akta seumpama ini bersifat 'pukat tunda' yang tiada kepentingannya pada waktu ini. Ini kerana apabila semakin dikongkong kebebasan media, maka akan wujudnya populariti platform-platform media sosial yang lain yang membawa maklumat dalam sekelip mata dengan faktor kepantasan teknologi dan information volume yang banyak menggunakan pelbagai aplikasi interaktif dalam platform mereka.

Kita tidak boleh menggalakkan satu situasi di mana rakyat mendahagakan maklumat dan langsung tidak mempercayai pemberitaan media perdana.

Dari segi indeks kebebasan akhbar dunia, hari ini kita telah melonjak 22 anak tangga iaitu di kedudukan 123. Ini adalah satu petanda yang baik, menunjukkan media Malaysia hari ini mempunyai sedikit kebebasan dari segi pemberitaan.

Naik taraf media perdana & wartawannya

Penubuhan majlis media akan meningkatkan lagi imej, kualiti dan profesionalisme industri media tanah air. Dalam cabaran media sosial yang pantas maklumatnya dan kesahihan kandungannya diragui, media massa dan golongan wartawan arus perdana masih relevan sebagai penjana berita semasa.

Namun, soal kredibiliti yang perlu ditekankan. Sekiranya, kredibiliti dan ketelusan dari segi pemberitaan wujud, sudah tentunya rakyat akan merujuk kembali kepada media perdana untuk kesahihan sumber. Di negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia, tidak ada platform media persendirian yang meraih populariti kerana rakyat percaya terhadap pemberitaan media arus perdana.

Penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM), yang masih di peringkat perbincangan, dilihat mampu menjaga integriti profesion kewartawanan. MMM boleh melindungi wartawan dan melindungi hak mereka. MMM antara lain akan memastikan fungsi sosial media diberi perhatian serius, mewujudkan sistem akauntabiliti media yang tersendiri dan mengawal selia tafsiran berita tidak benar mengikut perspektif wartawan.

Antara tugas MMM adalah menangani isu 'aduan akhbar' yang semakin lantang di negara kita. Kita sering mendengar rungutan laporan yang tidak seimbang atau berat sebelah.

Di New Zealand, misalnya, Majlis Media mereka akan menjadi jurucakap kepada rakyat mereka apabila berlaku sebarang ketidakadilan terhadap media atau sebarang aduan terhadap media perdana berhubung pemberitaan.

Di Indonesia, Majlis Media Indonesia menjadi platform rundingan antara kerajaan, media dan rakyat Indonesia bagi isu yang berbangkit. MMM perlu memastikan hak dan legasi media serta pengamalannya diberikan perhatian secukupnya selain mengawal selia aspek akauntabiliti dan kod etika wartawan.

Kepimpinan politik mampu meningkatkan konsultasi yang baik dengan pihak media. Tindakan mewujudkan sebarang dasar atau mengetengahkan akta yang boleh menjejaskan kebebasan media atau kebebasan bersuara dilihat tidak produktif untuk jangka panjang.

Bagi menjaga integriti profesion kewartawanan, agaknya lebih baik kita membuat kawalan dalaman daripada kita dikawal dari luar. Majlis Media juga boleh berperanan sebagai satu badan yang boleh mengawal selia dan menetapkan peraturan supaya boleh dirujuk oleh wartawan dan editor di bawah satu payung.

Siapa harus mengendalikan Majlis Media Malaysia (MMM)?

Majlis ini harus dikendalikan sepenuhnya oleh pengamal media mahupun persatuan-persatuan media yang sedia ada seperti MPI, MNPA, IOJ, NUJ bagi mengelak timbulnya prasangka dalam kalangan masyarakat terhadap fungsi sebenar badan bebas ini nanti.

Ia bagi memastikan badan pengawal selia media itu digerakkan berasaskan konsep dipacu oleh industri dan bukan didorong haluan oleh kerajaan.

Kita tidak mahu nanti masyarakat berasa media masih dikawal oleh kerajaan. Mereka yang mengendalikan majlis ini datangnya daripada komuniti wartawan itu sendiri. Ditambah dengan satu unit khas atau bahagian pengurusan pematuhan media perlu dibentuk menerusi majlis itu bagi mendengar rungutan berhubung laporan yang tidak seimbang atau berat sebelah.

Maka, majlis tersebut seharusnya dianggotai oleh pengamal media sahaja bagi memastikan kebolehpercayaan majlis oleh rakyat Malaysia.

Justeru, segala peraturan dan undang-undang yang mahu digubal pada masa hadapan harus datangnya daripada majlis media ini. Ini kerana ia akan melibatkan persoalan kredibiliti media berkenaan sama ada bias terhadap sesuatu pihak dan keduanya, sebagai satu platform untuk Rakyat Malaysia berbincang sebagai platform rundingan dan bukannya platform media sosial yang menjana pelbagai persepsi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Era Malaysia Baharu wajar dijadikan sebagai peluang dan titik tolak dalam menghentikan kepentingan dan campur tangan mana-mana pihak dalam mana-mana syarikat media. Ini sudah pasti akan mengubah persepsi rakyat Malaysia terhadap pemberitaan media perdana negara.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/penubuhan-majlis-media-malaysia-martabatkan-media-212591>